

(25 Mei 2021) Sinar Harian, p.5

61 lagi kematian akibat Covid-19

Sebanyak 6,509 kes positif baharu dilaporkan pada Isnin

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Sebanyak 6,509 kes baharu positif Covid-19 dengan 61 kematian direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Isnin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini adalah sebanyak 518,600 kes.

“Terdapat 20 kes import dan 6,489 penularan dalam negara dikesan melibatkan 5,931 rakyat tempatan dan 558 warga asing,” katanya.

Menurutnya, sebanyak 60,018 kes aktif di seluruh negara dengan 711 pesakit Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

“Manakala seramai 369 pesakit memerlukan bantuan mesin pernafasan,” katanya.

Beliau berkata, jumlah kematian itu merupakan yang tertinggi setakat ini.

“Jumlah kumulatif kematian adalah sebanyak 2,309 kes,” katanya.



DR NOOR HISHAM

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian itu melibatkan 16 kes di Selangor, Johor (11), Melaka (enam), Pulau Pinang (enam), Kuala Lumpur (lima), Kedah (empat), Sarawak (tiga), Negeri Sembilan (tiga), Pahang (tiga), Terengganu (dua), Perak (satu) dan Labuan (satu).

“Kesemuanya merupakan warga tempatan yang berumur antara 34 hingga 93 tahun,” katanya.

Sementara itu, seramai

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

3,452 pesakit telah disahkan pulih daripada Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh ialah 456,273 kes.

Mengulas mengenai penularan dalam negara, beliau berkata, Selangor kekal negeri tertinggi melaporkan kes baharu iaitu sebanyak 2,049 kes.

“Ia diikuti Sarawak (530), Johor (468), Kuala Lumpur (468), Kelantan (451), Pulau Pinang (384), Kedah (348), Negeri Sembilan (329) dan Melaka (329),” katanya.

Sementara Terengganu pula melaporkan 263 kes, Pahang (257), Sabah (184), Labuan (171), Putrajaya (40) dan Perlis (tujuh).

Pada perkembangan sama, KKM telah mengenal pasti 20 kluster baharu sekali gus men-

Kesemuanya merupakan warga tempatan yang berumur antara 34 hingga 93 tahun.”



jadikan jumlah keseluruhannya 2,045 kluster.

“Jumlah kluster yang telah tamat adalah 1,475 manakala 570 masih aktif,” kata beliau.

Sebanyak lapan kluster tempatan kerja dan enam kluster komuniti dikesan KKM selain tiga kluster keagamaan.

“Turut dikenal pasti kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, kumpulan berisiko tinggi dan import,” katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
518,600	456,273	711	2,309	+6,509	2,388,487

